

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATO' IR. DR. RADIN UMAR BIN
RADIN SOHADI
KETUA PENGARAH, JABATAN PENGAJIAN
TINGGI KPT
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN
KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI NEGARA 2009
17 JANUARI 2009 /SABTU /10.00 PAGI**

Bismillah-ir Rahman-ir Rahim

**Asalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh
dan Salam Sejahtera**

Yang Dihormati Saudara / i Pengacara Majlis

**Y. B. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia**

**Y. B. Dato' Sri Hishammudin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia**

**Y. B. Datuk Ir. Haji Idris Haji Haron
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi**

**Y. B. Datuk Dr. Hou Kok Chung
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi**

**Y. Bhg. Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan
Ketua Setiausaha , KPT**

**Y. Bhg. Dato' Hj. Alimuddin Hj. Mohd Dom
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia**

**Y. Bhg. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi**

**Y. Bhg. Tan Sri-Tan Sri, Datuk/Dato' Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti (LPU)**

**Y. Bhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri, Datuk/Dato'
Naib Canselor IPTA**

**Y.Bhg. Datuk/Dato', Tuan-Tuan/Puan-Puan Ketua
Pegawai Eksekutif IPTS**

**Y. Bhg. Datuk/Dato' Timbalan-Timbalan Naib
Canselor IPTA**

**Y. Bhg. Datuk/Dato' Pengarah Jabatan Pelajaran
Negeri**

Ketua-Ketua Jabatan, Dekan-Dekan IPTA, dif-dif Jemputan, Pengetua-Pengetua, Guru Bimbingan & Kaunseling, Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta para hadirin sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bertemu dalam majlis perasmian Karnival Pengajian Tinggi Negara Tahun 2009. Saya bagi pihak penganjur amat berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin, Menteri Pengajian Tinggi dan merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian Y.B Dato' Seri untuk bersama-sama kita pada hari yang berbahagia ini dan seterusnya menyempurnakan majlis pelancaran Karnival Pengajian Tinggi Negara 2009.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pelancaran program Karnival Pengajian Tinggi Negara Tahun 2009 anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan satu manifestasi dan komitmen kerajaan untuk memberi peluang pendidikan tinggi kepada semua lapisan masyarakat. Karnival Pendidikan Negara pada tahun 2009 adalah kesinambungan kejayaan program yang telah dianjurkan sejak tahun 2005 yang dikenali sebagai Program Pendidikan KPT Bersama Rakyat.

Pada tahun ini Kementerian Pengajian Tinggi telah mengekalkan "tagline" iaitu "**Jom Masuk U**" dengan Tema "**Kecemerlangan Pendidikan Teras Pembangunan Modal Insan**" sebagai menyahut seruan kerajaan yang telah meletakkan pembangunan modal insan sebagai salah satu daripada empat strategi utama dalam membangun

dan memajukan Negara. Modal insan cemerlang yang mahu dilahirkan oleh Negara ialah mereka yang mempunyai pengetahuan tinggi, berkemahiran, inovatif, memiliki nilai jati diri, beretika, terlatih serta mempunyai minda kelas pertama. Mereka ini bukan sahaja penting kepada pertumbuhan masyarakat malah memberi impak besar bagi menjamin kesejahteraan dan meningkatkan daya saing negara di peringkat global.

Tema tersebut juga membuktikan keperihatinan Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Kementerian Pelajaran untuk sama-sama mendukung hasrat kerajaan melahirkan modal insan yang cemerlang. Apabila kita menyentuh soal pembangunan modal insan sudah pasti kerajaan menekankan kepada bagaimana melahirkan

generasi penerus yang mempunyai minda kelas pertama yang berpegang teguh kepada agama, bekerja kuat, bertanggungjawab dan berdaya saing bagi menerajui Negara ke arah kemajuan yang bakal dicapai nanti. Kita tidak mahu nikmat kemajuan yang dicapai oleh Negara disia-siakan oleh generasi muda akan datang

Suka saya ingatkan apabila harapan kerajaan ini difokuskan kepada generasi penerus, sudah tentu mereka adalah golongan yang berada di institusi pengajian tinggi dan di sekolah. Merekalah yang bakal menerajui Negara dalam setiap lapangan. Merekalah yang akan jadi pemimpin, pengurus, penggerak pembangunan Negara dan seterusnya merekalah juga yang akan berusaha untuk memastikan kesinambungan kemajuan Negara

serta merealisasikan agenda dan Wawasan Nasional.

Selaras dengan itulah juga pihak kementerian menganjurkan program seumpama ini untuk mendedahkan kepada kumpulan sasaran seperti pelajar, ibu bapa, guru dan komuniti setempat mengenai maklumat yang tepat dan terkini serta program pengajian baru yang ditawarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi di negara ini. Dalam masa yang sama program ini juga diisi dengan slot forum bertujuan untuk mendidik dan memupuk pelajar-pelajar, guru, ibu bapa serta komuniti setempat tentang peranan masing-masing untuk mendapatkan tempat yang terbaik di institusi pengajian tinggi dalam negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur yang bekerja keras bagi menjayakan program ini. Khususnya Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi KPT. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, IPTA, IPTS, agensi-agensi yang terlibat dan serta lain-lain agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan pameran pendidikan dan forum sempena program ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang

tidak terhingga kepada Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin yang sudi hadir bersama-sama kita pada hari ini. Saya berharap program dianjurkan ini berjalan lancar dan berakhir dengan jayanya di lapan zon yang terlibat. Semoga bentuk kerjasama dan komitmen yang terjalin selama ini, dapat diteruskan pada masa-masa akan datang bagi menjayakan program ini.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.